



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	ANGKARA SIAPA
	SUMBER	HARIAN METRO (20 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (LOKAL)



Angkara siapa?

AHLI Dewan Undangan Negeri (Dun) Chuah Yew Boon Lye meninjau kawasan pembuangan haram sisa kimia dipercayai sisa cat dan minyak di Bukit Pelanduk, kelmarin. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JASNS) menemukan lebih kurang 100 tong berkapasiti 210 liter cat terpakai dan 50 tangki IBC berkapasiti 1000 liter mengandungi minyak di kawasan itu selepas menerima aduan orang awam berkenaan perkara itu. Hasil siasatan JASNS mendapati kawasan pembuangan itu terletak jauh daripada pandangan umum dan terlindung di sebalik dinding yang menghalangnya dilihat dari arah jalan raya. JASNS telah membuat persampelan kandungan sisa bahan kimia itu untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia secara lebih terperinci.

2.	TAJUK	PAKAR DIRUJUK KENALPASTI PUNCA BERSELUT
	SUMBER	BH (22 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)



Gambar diambil Julai tahun lalu oleh PIC menunjukkan garis pantai berlumpur di Pantai Esen sebelum kerja penambakan dimulakan pada September 2023. (Foto ihsan PIC)

Pakar dirujuk kenal pasti punca berselut

PIC ambil cadangan atasi masalah di Pantai Esen

Oleh Zuhainy Zulkiffi
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Syarikat yang memantau pelaksanaan projek tambakan Pulau Silikon, Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PIC) akan merujuk dan mendapatkan khidmat pakar bagi mengenal pasti punca selut dan air berkehadak yang berlaku terhadap Pantai Esen, Permatang Damar Laut, di sini.

Ia susulan pendedahan media pantai terbabit yang dicemari lumpur selut dan berkehadak lebih dua bulan lalu yang didakwa berpunca daripada pembinaan Pulau Silikon.

Ketua Pegawai Eksekutif PIC, Datuk Seri Farizan Darus, berkata tindakan susulan akan diambil syarikat itu berdasarkan pandangan dan cadangan daripada pakar bagi mengatasi masalah kejadian selut itu.

"PIC yang adalah syarikat tujuan khas ditubuhkan kerajaan Pulau Pinang bagi memantau projek pulau buatan itu, kekal komited dalam memastikan kerja penambakan dijalankan mengikut panduan ketat demi kesejahteraan alam sekitar dan komuniti setempat.

"Jika terdapat fenomena luar biasa, orang ramai atau komuniti nelayan boleh laporkan kepada Pusat Perkhidmatan Setempat

Nelayan (PPSN) terdekat di Permatang Damar Laut atau Sungai Batu, atau hubungi talian 1300-88-9700," katanya dalam kenyataan semalam.

Media semalam melaporkan Pantai Esen yang bertukar warna kehitaman dan berbau busuk.

Ia turut memberi kesan kepada penguasa sukan air, selain pengunjung tidak dapat mandi-manda berikutan keadaan itu.

Mengulas lanjut Farizan berkata, PIC bersama pemaju Silikon Island Development Sdn Bhd (SISB) turut sama dalam pelbagai sesi libat urus dijalankan agensi seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang termasuk Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan (PNKPPS) sejak 8 Ogos lalu.

Projek akur syarat

Hasil siasatan pada bulan yang sama mendapati pelaksanaan projek Pulau Silikon itu adalah selari dan mengikut syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) termasuk pemasa-

ngan langkah mitigasi yang dicadangkan.

"Sesi libat urus yang diadakan pegawai informasi PPSN bersama beberapa nelayan setempat juga mendapati bahawa fenomena semula jadi seperti air pasang besar dan angin monsun akan menyebabkan gangguan pada kawasan dasar laut berlumpur.

"Keadaan semula jadi pesiiran pantai Pulau Pinang Selatan adalah dataran lumpur dan turut disahkan semasa penyediaan laporan EIA.

"Tambah pula, tiada aktiviti pengorekan yang dijalankan di kawasan sekitarnya yang boleh menyumbang kepada kejadian selut itu," katanya lagi.

Farizan berkata, pematuan garis pantai dijalankan secara berkala sejak Jun 2023 dan diteruskan setiap tiga bulan termasuk pada Mac, Jun dan Oktober tahun ini.

Laporan sudah dikemukakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan analisis mendapati tiada perubahan ketara pada dasar laut selepas perbandingan dibuat antara tinjauan awal dan pematuan seterusnya.



Farizan Darus

3.	TAJUK	SUSULAN PANTAI ESEN BERKELADAK : PIC RUJUK PAKAR
	SUMBER	HARIAN METRO (OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (LOCAL)

lokal

Oleh Zuhainy Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Georgetown

Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PIC) akan merujuk pakar bagi mengenal pasti punca selut dan air berkeladak di Pantai Esen, Permatang Damar Laut di sini.

Ia susulan laporan akhbar mengenai pantai 'permata tersembunyi' negeri kini dicemari masalah lumpur selut dan berkeladak sejak lebih dua bulan lalu dipercayai berpunca daripada kerja projek Pulau Silicon.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Seri Farizan Darus berkata, tindakan susulan diambil berdasarkan pandangan dan cadangan pakar berkenaan bagi mengatasi masalah itu.

"PIC yang juga Syarikat Tujuan Khas ditubuhkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memantau perkembangan projek pulau buatan itu, kekal komited dalam memastikan semua kerja penambakan dijalankan mengikut garis panduan ketat demi kesejahteraan alam sekitar dan komuniti setempat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin Harian Metro melaporkan mengenai keadaan terkini Pantai Esen yang bertukar warna kehitaman dan berbau busuk.



KEADAAN pantai Permatang Damar Laut yang berhampiran Pantai Esen, Georgetown turut berlumpur. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

SUSULAN PANTAI ESEN BERKELADAK

PIC nak rujuk pakar

Ia turut memberi kesan kepada pengusaha sukan air selain pengunjung juga tidak dapat mandi manda berikutan keadaan itu.

Mengulas lanjut, Farizan berkata, PIC bersama pemaaju Silicon Island Development Sdn Bhd (SIDSB) turut sama dalam pelbagai sesi libat urus yang dijalankan agensi seperti Lem-

baga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang termasuk Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan (PNKPPS) sejak 8 Ogos lalu.

Hasil siasatan pada bulan yang sama mendapati pelaksanaan projek Pulau Silicon itu adalah selari dan

mengikut syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) termasuk pemasangan langkah mitigasi yang dicadangkan.

"Sesi libat urus yang diadakan pegawai informasi PPSN bersama beberapa nelayan setempat juga mendapati bahawa fenomena semula jadi seperti

air pasang besar dan angin monsun akan menyebabkan gangguan pada kawasan dasar laut berlumpur.

"Keadaan semula jadi kawasan pesisiran pantai Pulau Pinang Selatan adalah kawasan dataran lumpur dan ia turut disahkan semasa penyediaan laporan EIA.

"Tambahan pula, tiada

aktiviti pengorekan yang dijalankan di kawasan sekitarnya yang boleh menyumbang kepada kejadian selut itu," katanya.

Menurut Farizan, pemantauan garis pantai dijalankan secara berkala sejak Jun 2023 dan diteruskan setiap tiga bulan termasuk pada Mac, Jun dan Oktober tahun ini.

Laporan sudah dikemukakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan analisis mendapati tiada perubahan ketara pada dasar laut selepas perbandingan dibuat antara tinjauan awal dan pemantauan seterusnya.

"Kajian penyiasatan tanah di pesisir laut antara tahun 2014 hingga 2016 juga menunjukkan keputusan yang konsisten iaitu terdapat lapisan tanah liat lembut yang tebal di bawah dasar laut.

"Pemantauan kualiti air dijalankan secara berkala oleh pihak kontraktor khususnya bagi parameter Jumlah Pepejal Terampai (TSS) dan Kekeruhan (NTU) untuk memastikan keberkesanan tirai kelodak yang dipasang.

"Pemantauan dan penyelenggaraan secara berkala terhadap komponen Amalan Pengurusan Terbaik (BMPs) seperti tirai kelodak dan tilam pasir (sand mattress) adalah bagi memastikan ia berfungsi dengan baik sepanjang pelaksanaan projek," katanya.

4.	TAJUK	JAS AMBIL SAMPEL SELUT, AIR
	SUMBER	HARIAN METRO (23 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (LOCAL)

Harian Metro | Rabu 23.10.2024

17

lokal



LAPORAN Metro Ahad 20 Oktober lalu.

JAS ambil sampel selut, air

Batu Maung: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang mengambil sampel selut dan air berkeladak di Pantai Esen, Permatang Damar Laut di sini, semalam.

Ia susulan laporan Harian Metro pada Ahad lalu mengenai kawasan berkenaan yang dipenuhi selut dan air berkeladak selain berbau busuk, dikesan sejak dua bulan lalu.

Pengarahnya, Norazizi Adinan berkata, sampel yang diambil terdiri daripada selut dan air berkeladak bagi menentukan puncanya.

“Pihak JAS sudah ke lokasi pagi tadi (semalam) bagi mengambil sampel berkenaan dan ia dihantar ke makmal bagi dianalisis untuk mengetahui puncanya.

“Keputusan sampel itu dijangka diketahui antara

tempoh satu hingga tiga bulan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Norazizi, bagaimanapun siasatan mengenai laporan itu masih dijalankan.

Ahad lalu, Harian Metro melaporkan kejadian berkenaan yang semakin buruk dipercayai berpunca daripada projek tambakan laut terletak tidak jauh dari Pantai Esen.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**